Baca dan buat rumusan.

Sedapnya Buah Isu

Chan Ho dan keluarganya melawat ke Negeri di Bawah Bayu. Dia tertarik akan keistimewaan buah isu yang popular di sana.

Pokok isu tumbuh di negeri Sarawak dan Sabah. Pokok ini ditanam bersama-sama dengan pokok durian. Pokok ini selalunya berbuah selepas musim durian.

Tanah di Sarawak dan di Sabah sesuai untuk penanaman pokok isu.

Bau buah isu tidak seperti aroma durian biasa. Isinya berwarna kuning dan jingga. Buah ini mempunyai tekstur halus dan isinya lebih lembut.

Banyak orang membeli buah ini kerana isinya lembut dan sedap.



Buah isu mempunyai permukaan kulit yang hampir serupa dengan durian biasa. Walau bagaimanapun, durinya lebih panjang dan lebih tirus.

Buah isu berduri. Duri tersebut dapat menghalang haiwan perosak memakannya.

Kebanyakan saiz buah isu agak kecil.

Buah isu mempunyai ulas yang sedikit kerana saiznya kecil.



Pokok isu ditanam di Sarawak dan di Sabah kerana kesesuaian tanahnya. Bentuk buah isu ____. Buah isu mempunyai ulas yang ____. Banyak orang menyukai buah ini kerana ____

Nota Guru 2.3.1

- Murid membaca dan memahami maklumat berdasarkan grafik.
- Minta murid membuat rumusan secara perbincangan.

KBAT: Mencipta – Merumus Strategi PdP: BCB – Bacaan intensif
EMK: Nilai Murni – Kesyukuran

LIVEWORKSHEETS